

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 17 OGOS 2019

MUKA SURAT: 03

Kertas cadangan pilihan raya PBT perlu 3 tahun

GEORGETOWN 17 Ogos - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memertukan tiga tahun untuk menghasilkan satu kertas cadangan bagi mendapatkan kelulusan Kabinet berhubung pelaksanaan pilihan raya kerajaan tempatan.

Menterinya, Zuraida Kamarudin berkata, dalam tempoh itu pihaknya akan mengadakan bengkel dan forum awam kepada semua pihak berkepentingan selain menjalin kerjasama dengan gabungan demokrasi tempatan untuk mendidik orang awam berhubung pilihan raya kerajaan tempatan.

"Dalam masa tiga tahun ini kita membuat bengkel, forum dan sebagainya kepada semua pemegang taruh. Kemudian

kita buat perancangan dan hari ini adalah langkah kedua iaitu yang mana gabungan kerajaan tempatan main peranan untuk turun padang bersua dengan komuniti, mendidik mereka apa itu kerajaan tempatan dan peranannya.

"Pada masa sama, KPKT akan membuat pindaan akta yang perlu. Insya-Allah selewat-lewatnya akhir tahun ini kita akan bentangkan kepada Kabinet untuk pinda akta-akta berkaitan dengan pilihan raya kerajaan tempatan," katanya pada sidang media selepas menghadiri Forum Awam Pilihan Raya Kerajaan Tempatan: Siapa Untung, Siapa Rugi di sini, hari ini.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancan-

gan Bandar dan Desa Negeri, Jagdeep Singh Deo.

Zuraida berkata, tempoh pelaksanaan pilihan raya kerajaan tempatan itu akan ditentukan selepas kertas cadangan itu dibentangkan dan mendapat kelulusan Kabinet.

"Pelaksanaan pilihan raya ini boleh dijalankan secara berperingkat, tidak semestinya semua kerajaan tempatan perlu melaksanakan pilihan raya ini dalam satu masa. Pulau Pinang sebuah negeri yang matang, mereka telah mencadangkan pilihan raya kerajaan tempatan ketika mereka dalam pembangkang. Insya-Allah, apabila tiba waktu pelaksanaannya Pulau Pinang akan menjadi nombor satu dalam senarai," katanya. -BERNAMA